



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

TEKS UCAPAN

**YB DATUK SERI DR. NORAINI AHMAD
MENTERI PENGAJIAN TINGGI**

SEMPENA

**MAJLIS PENUTUPAN PERTANDINGAN SIMULASI PERNIAGAAN
INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI AWAM PERINGKAT KEBANGSAAN
TAHUN 2021**

07 DISEMBER 2021

SUNWAY PUTRA HOTEL, KUALA LUMPUR

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia.

Terima kasih kepada Saudara Pengacara Majlis.

Yang Berbahagia Dato' Seri Abdul Razak Jaafar,

Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi;

YBhg. Tan Sri Datuk Wira Dr. Haji Mohd Shukor Haji Mahfar,

Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Utara Malaysia;

Yang Berusaha Dr. Mohd Zabri Yusoff,

Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan dan Pembangunan,

Kementerian Pengajian Tinggi;

Yang Berbahagia. Dato' Prof. Dr. Husaini Omar,

Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi;

Yang Berusaha Ts. Zainab Ahmad,

Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej

Komuniti;

Yang Berusaha Prof. Dr. Haim Hilman Abdullah

Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi,
Universiti Utara Malaysia;

Pegawai-pegawai Kanan Kementerian Pengajian Tinggi;

Naib-naib Canselor dan Timbalan-timbalan Naib Canselor,
Institusi Pendidikan Tinggi Awam;

Pegawai-pegawai Kanan IPT;

Pengarah-pengarah Pusat Keusahawanan IPT;

Para pensyarah, mentor, tuan-tuan, puan-puan, serta peserta program yang saya hormati sekalian.

PEMBUKA BICARA

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin-Nya, kita diberi kesempatan untuk bersama-sama dalam **Majlis Penutupan dan Penyampaian Hadiah Pertandingan Simulasi Perniagaan Universiti Awam Peringkat Kebangsaan bagi tahun 2021.**

2. Terlebih dahulu, tahniah saya ucapkan kepada Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi (CEDI), Universiti Utara Malaysia (UUM) yang telah memberikan komitmen tinggi dan bergabung tenaga dengan Unit Keusahawanan, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar, KPT untuk mengatur dan menjayakan pertandingan ini.

3. Sungguhpun dalam keadaan yang serba mencabar ketika pandemik masih melanda negara, program ini tetap dapat dilaksanakan dan dilangsungkan secara dalam talian selaras dengan prosedur operasi standard yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Syabas saya ucapkan atas komitmen tinggi semua pihak yang terlibat!

PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA DALAM TEMPOH PANDEMIK

Para hadirin yang saya kasihi sekalian,

4. Pandemik COVID-19 telah mengubah landskap kehidupan kita semua. Perintah Kawalan Pergerakan yang dikuat kuasa bagi mengekang penularan wabak berkenaan menyebabkan sektor seperti ekonomi menjadi terjejas. Paling ketara, ramai yang terpaksa diberhentikan kerja dan

menerima bayaran gaji atau upah yang berkurangan ekoran penutupan sektor ekonomi.

5. Forum Ekonomi Sedunia (WEF) melaporkan kadar pengangguran golongan muda di peringkat global, yang meningkat 8.7 peratus pada tahun 2020, adalah berada di tahap membimbangkan, lebih-lebih lagi apabila pandemik COVID-19 masih belum reda. Ini diperkukuhkan lagi dengan laporan International Labour Organization (ILO) yang menyatakan kadar pengangguran dunia pada tahun 2020 meningkat kepada 6.5 peratus atau 33 juta penganggur. Menurut ILO, impak ekonomi yang wujud di peringkat global pada tahun 2020 adalah 'jauh lebih teruk' daripada yang dilihat pada tahun 2009, susulan krisis kewangan global. Sekiranya tiada langkah wajar dilakukan untuk mengekang pandemik COVID-19, ia akan terus memberikan impak kepada peluang pekerjaan golongan remaja selama berdekad lamanya..
6. Jabatan Perangkaan Malaysia pernah melaporkan kadar pengangguran bulanan tertinggi di Malaysia adalah pada Mei tahun lalu, iaitu sebanyak 5.3 peratus atau lebih 826,000 orang menganggur. Walau bagaimanapun, pada Mei 2021 tahun ini, kadar ini sedikit menurun dengan catatan 4.5 peratus atau lebih 728,000 orang menganggur.

Malah, perusahaan kecil dan sederhana atau PKS yang menyumbang sebanyak 38.2 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) juga turut menerima kesan apabila semua sektor seperti pembinaan; pembuatan; perkhidmatan; pertanian; serta perlombongan dan kuari mencatatkan pertumbuhan yang negatif.

7. Namun begitu, di kala pekerjaan konvensional secara makan gaji terkesan, bidang keusahawanan terutamanya PKS telah dikenal pasti sebagai antara penyelesaian signifikan yang dapat membantu rakyat menjana pendapatan, di samping mewujudkan peluang pekerjaan baharu. Justeru, kerajaan telah mengumumkan pakej-pakej bantuan dan rangsangan seperti PERMAI, PEMERKASA, PEMERKASA+ dan PEMULIH yang berupaya menjadi pemangkin kepada pemulihan sosioekonomi rakyat.

8. Statistik Kecenderungan Perniagaan bagi Suku Keempat Tahun 2021 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia turut menunjukkan jangkauan prestasi perniagaan yang lebih positif termasuk tempoh enam bulan berikutnya. Kesemua sektor menjangkakan prospek perniagaan yang lebih baik dapat dicapai. Misalnya, sektor industri dijangka naik kepada 3.6 peratus berbanding -11 peratus pada suku

ketiga tahun 2021. Begitu juga dengan sektor perdagangan borong dan runcit, yang dijangka memaparkan lonjakan positif di suku keempat tahun 2021 kepada 3.3 peratus berbanding -39.4 peratus pada suku yang ketiga. Statistik ini memberikan keyakinan bahawa bidang keusahawanan terutamanya di sektor PKS menawarkan prospek yang amat cerah pada masa akan datang.

KEUSAHAWANAN DI PERINGKAT PENGAJIAN TINGGI

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

9. Usaha kementerian untuk melonjakkan agenda keusahawanan dalam kalangan graduan bukanlah sesuatu yang baharu. Di bawah Lonjakan Satu Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia bagi Pendidikan Tinggi, IPT digalaskan tanggungjawab besar untuk menyedia dan melengkapkan negara dengan graduan yang berkualiti; berkemahiran tinggi; berdaya saing; mempunyai nilai keusahawanan yang tinggi; dan seterusnya berupaya menjadi usahawan yang berjaya setelah menamatkan pengajian mereka.
10. Dalam memastikan hasrat tersebut tercapai, Pelan Tindakan Keusahawanan IPT 2021 – 2025 dan Garis

Panduan Pendidikan Keusahawanan Bersepadu telah dilancarkan pada bulan Februari yang lepas, sebagai sumber rujukan utama IPT. Kedua-dua dokumen ini menzahirkan komitmen berterusan KPT dalam meneruskan agenda keusahawanan yang telah dimulakan sejak tahun 2010 lagi melalui pengenalan Dasar Pembangunan Keusahawanan di IPT.

11. Jika boleh saya kongsi di sini, pada tahun 2020 sahaja, kementerian telah berjaya menghasilkan hampir 50,000 usahawan dalam kalangan pelajar dan daripada jumlah tersebut lebih 7,000 graduan masih meneruskan kerjaya mereka sebagai usahawan selepas menamatkan pengajian.

PERTANDINGAN SIMULASI PERNIAGAAN PERINGKAT KEBANGSAAN 2021

Saudara dan saudari yang saya hormati sekalian,

12. Pertandingan Simulasi Perniagaan Peringkat Kebangsaan 2021 ini merupakan pertandingan kali keempat pernah dianjurkan oleh KPT sejak mula dilaksanakan pada tahun 2013. Melalui pelaksanaannya, kemahiran keusahawanan seperti pengurusan personel, kewangan, pengurusan risiko

dan sebagainya dalam kalangan peserta dapat ditingkatkan. Selain itu, kemahiran insaniah seperti kepimpinan, komunikasi, penyelesaian masalah, kerja berpasukan, serta moral dan etika profesional para peserta turut diperkasakan. Asimilasi kemahiran-kemahiran ini kepada peserta dapat memberikan nilai tambah dan meningkatkan keyakinan mereka untuk bergelar seorang usahawan berjaya.

13. Saya difahamkan pertandingan ini menggunakan aplikasi simulasi perniagaan *Malaysia Practice Enterprise Centre* atau MYPEC. Aplikasi ini menyediakan platform kepada peserta untuk merasai pengalaman sebenar menguruskan sesuatu perniagaan melalui *simulated business environment* yang dikenali sebagai *Practice Enterprise*. Ia bermula dengan pendaftaran syarikat, membangunkan pelan perniagaan, mendapatkan dana perniagaan, penilaian risiko sehinggalah kepada penubuhan syarikat pemula atau *startup*.

14. Pada tahun ini, ujian bukan hanya datang dalam persekitaran simulasi yang diwujudkan oleh aplikasi berkenaan tetapi juga cabaran sebenar pandemik yang menghadkan pergerakan fizikal peserta menambahkan lagi cabaran bukan hanya kepada peserta bahkan juga

kepada penganjur program. Namun, berkat dedikasi peserta dan komitmen tinggi penganjur, program ini dapat dilaksanakan dengan jayanya secara maya. Alhamdulillah dan syabas saya ucapkan!

15. Saya turut dimaklumkan bahawa pertandingan pada tahun ini telah disertai oleh 19 pasukan dari Universiti Awam dan satu pasukan dari Politeknik. Enam daripada 20 pasukan ini telah berjaya ke peringkat akhir dan dinilai oleh panel berwibawa yang terdiri daripada wakil-wakil agensi dan industri, iaitu Yang Berbahagia Dato' Raja Munir bin Raja Mustapha, Pengarah Eksekutif MyEG Services Berhad; Encik Norezuan bin Ab Malek, Naib Presiden Kenanga Investment; dan Tuan Haji Hazani bin Hassan, Pengarah Bahagian Modal Teroka, Malaysian Technology Development Corporation (MTDC). Terima kasih saya ucapkan kepada semua panel yang terlibat atas komitmen dan penilaian yang diberikan.

PENUTUP

Tuan-tuan, puan-puan serta hadirin yang saya kasihi sekalian,

16. Sekali lagi, saya mengucapkan tahniah kepada semua peserta yang menyertai Pertandingan Simulasi Perniagaan

Universiti Awam Peringkat Kebangsaan bagi tahun 2021. Sekalung penghargaan juga kepada semua mentor akademik dan pengurusan IPT yang telah memberikan komitmen serta sokongan padu kepada peserta untuk menyudahkan pertandingan ini.

17. Akhir kata, dengan lafaz mulia, Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini menutup secara rasminya Pertandingan Simulasi Perniagaan Institusi Pendidikan Tinggi Awam Peringkat Kebangsaan Tahun 2021.

Sekian, terima kasih.

(962 patah perkataan tidak termasuk salulasi)